

21	Laporan Pengarah
25	Penyata Para Pengarah
26	Akaun Berkanun
27	Laporan Juruaudit Kepada Ahli-Ahli
28	Kunci Kira-Kira Disatukan
29	Akaun Untung Rugi Disatukan
30	Kunci Kira-Kira Syarikat
31	Akaun Untung Rugi Syarikat
32	Penyata Aliran Tunai Disatukan
33	Nota Kepada Akaun

Para pengarah dengan sukacitanya membentangkan laporan mereka dan akaun diaudit bagi Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir 31 Mac 2000.

KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat sepanjang tahun kewangan tetap sama dan terdiri daripada pemasaran domestik produk petroleum dan pengendalian stesen minyak. Kegiatan utama syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu masing-masing diterangkan dalam Nota 29 dan 30 kepada akaun.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM'000	Syarikat RM'000
Keuntungan selepas cukai tetapi sebelum kepentingan minoriti	145,682	147,577
Bahagian kepentingan minoriti dalam keuntungan syarikat subsidiari	(69)	—
Keuntungan hak pemegang saham	145,613	147,577
Tambah: Keuntungan belum diagihkan dibawa ke hadapan	787,193	799,367
Keuntungan boleh diagihkan	932,806	946,944
Dividen — Interim	(35,764)	(35,764)
Dividen akhir dicadangkan	(35,764)	(35,764)
	(71,528)	(71,528)
Keuntungan belum diagihkan dihantar ke hadapan	861,278	875,416

DIVIDEN

Amaun dibayar oleh Syarikat melalui dividen sejak akhir tahun kewangan sebelumnya adalah seperti berikut:

- i) seperti yang dicadangkan dalam laporan tahun lepas, dividen akhir sebanyak 10% ditolak cukai 28% berjumlah RM35,764,344 bagi tahun berakhir 31 Mac 1999.
- ii) dividen interim sebanyak 10% ditolak cukai 28% berjumlah RM35,764,344 bagi tahun berakhir 31 Mac 2000.

Para pengarah mencadangkan dividen akhir sebanyak 10% tolak cukai 28% berjumlah RM35,764,344 bagi tahun berakhir 31 Mac 2000.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada pindahan penting kepada dan daripada rizab atau peruntukan semasa tahun kewangan.

PARA PENGARAH SYARIKAT

Para pengarah yang berkhidmat sejak tarikh laporan yang lepas ialah:

Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican – Pengerusi
Anuar bin Ahmad – Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif
Dato' Mohd Ali bin Yasin
Ishak bin Imam Abas
Chew Kong Seng
Dr. R. Thillainathan
Abdul Rahim bin Haji Hashim
Mohd Rauff bin Nabi Bax
Dato' Shamsul Azhar bin Abbas (dilantik pada 1.10.1999)

Selaras dengan Artikel 93 Tataurusan Persatuan Syarikat, Dato' Mohd Ali bin Yasin, Ishak bin Imam Abas dan Chew Kong Seng bersara mengikut giliran daripada Lembaga Pengarah dalam Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan, kerana layak, menawarkan diri mereka untuk dipilih semula.

Selaras dengan Artikel 96 Tataurusan Persatuan Syarikat, Dato' Shamsul Azhar bin Abbas yang dilantik semasa tahun kewangan, bersara daripada Lembaga Pengarah dalam Mesyuarat Agung Tahunan akan datang dan, kerana layak, menawarkan diri beliau untuk dipilih semula.

Selaras dengan Artikel 123 Tataurusan Persatuan Syarikat, Anuar bin Ahmad, iaitu Pengarah Urusan Syarikat, tidak akan tertakluk kepada persaraan mengikut giliran dan tidak akan dianggap sebagai pengarah untuk tujuan menentukan giliran atau persaraan pengarah atau untuk menetapkan bilangan pengarah yang bersara.

KEPENTINGAN PARA PENGARAH

Para pengarah yang berkhidmat pada akhir tahun yang mempunyai kepentingan dalam Syarikat dan syarikat berkaitan adalah seperti berikut:

Nama	Bilangan Saham dalam Syarikat			Baki pada 31.3.2000
	Baki pada 1.4.1999	Dibeli	Dijual	
Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican	1,000	—	—	1,000
Anuar bin Ahmad	1,000	—	—	1,000
Abdul Rahim bin Haji Hashim	1,000	—	—	1,000
Dato' Mohd Ali bin Yasin	1,000	—	—	1,000
Dato' Shamsul Azhar bin Abbas	1,000	—	—	1,000

	Bilangan Saham dalam Petronas Gas Berhad			Baki pada 31.3.2000
	Baki pada 1.4.1999	Dibeli	Dijual	
Tan Sri Dato' Mohd Hassan bin Marican	5,000	—	—	5,000
Dato' Mohd Ali bin Yasin	5,000	—	—	5,000

	Bilangan Waran dalam Petronas Gas Berhad			Baki pada 31.3.2000
	Baki pada 1.4.1999	Dibeli	Dijual	
Dato' Mohd Ali bin Yasin	4,000	—	—	4,000

Tiada pengarah lain yang memegang atau mengurus janji dalam sebarang saham Syarikat atau syarikat berkaitan dengannya semasa tahun kewangan.

GANJARAN PARA PENGARAH

Sejak akhir tahun kewangan yang sebelumnya, tiada pengarah Syarikat telah menerima atau layak menerima apa-apa ganjaran (selain daripada ganjaran yang termasuk dalam agregat emolumen diterima atau patut diterima dan belum diterima oleh para pengarah seperti dinyatakan dalam akaun, atau gaji tetap seorang pekerja sepenuh masa Syarikat atau syarikat berkaitan) disebabkan perjanjian yang dibuat oleh Syarikat atau syarikat berkaitan dengan pengarah atau dengan sesebuah firma yang beliau merupakan ahli atau dengan syarikat di mana pengarah mempunyai kepentingan kewangan yang ketara.

Tiada sebarang urusan semasa dan pada akhir tahun yang bertujuan membolehkan para pengarah Syarikat menikmati faedah melalui pemerolehan saham dalam Syarikat atau debentur Syarikat atau lain-lain badan korporat.

TERBITAN SAHAM

Tiada sebarang perubahan pada modal diterbitkan dan berbayar Syarikat semasa tahun kewangan.

OPSYEN YANG DIBERI KE ATAS SAHAM BELUM TERBIT

Tiada opsiyen diberi kepada sesiapa untuk memperolehi saham belum terbit Syarikat semasa tahun kewangan.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN

Sebelum akaun Kumpulan dan Syarikat disediakan, para pengarah telah mengambil langkah-langkah berpatutan untuk memastikan bahawa:

- i) semua hutang lapuk yang diketahui telah dikira hapus dan peruntukan adalah mencukupi untuk hutang ragu, dan
- ii) semua aset semasa telah dinyatakan pada kos dan nilai boleh realis yang mana lebih rendah.

Pada tarikh laporan ini, para pengarah Syarikat tidak mendapati wujudnya sebarang keadaan:

- i) yang boleh menyebabkan amaun dikira hapus untuk hutang lapuk atau amaun untuk peruntukan hutang ragu dalam Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi sehingga jumlah yang besar, atau
- ii) yang boleh mengelirukan penilaian aset semasa dalam akaun Kumpulan dan Syarikat, atau
- iii) yang timbul dan menyebabkan pematuhan kepada kaedah penilaian yang sedia ada bagi aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat mengelirukan dan tidak sesuai, atau
- iv) selain dari apa yang telah dinyatakan dalam laporan atau akaun ini, yang akan menyebabkan sebarang jumlah yang dinyatakan dalam akaun Kumpulan dan Syarikat mengelirukan.

Pada tarikh laporan ini tidak terdapat:

- i) sebarang cagaran ke atas aset Kumpulan atau Syarikat yang timbul sejak berakhir tahun kewangan yang menjadi sandaran kepada liabiliti pihak lain, atau
- ii) sebarang liabiliti luarjangka bagi Kumpulan atau Syarikat yang telah timbul sejak berakhir tahun kewangan.

LAIN-LAIN MAKLUMAT BERKANUN (SAMBUNGAN)

Tiada liabiliti luarjangka atau lain-lain liabiliti bagi Kumpulan dan Syarikat telah dikuatkuasa, atau berkemungkinan akan dikuatkuasakan dalam tempoh dua belas bulan selepas berakhir tahun kewangan, pada pendapat para pengarah, akan atau boleh menjejaskan keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk menunaikan kewajipannya apabila tiba masanya.

Pada pendapat para pengarah, keputusan perniagaan Kumpulan dan Syarikat bagi tahun kewangan berakhir 31 Mac 2000 tidak dipengaruhi secara berkesan oleh sebarang perkara, urusan atau kejadian yang penting dan luar biasa juga tidak terdapat sebarang perkara, urusan atau kejadian yang penting dan luar biasa berlaku dalam tempoh antara tahun kewangan dengan tarikh laporan ini.

JURUAUDIT

Juruaudit, Tetuan KPMG Desa Megat & Co., telah menyatakan kesanggupan mereka untuk dilantik semula.

Ditandatangani selaras dengan resolusi para pengarah:

TAN SRI DATO' MOHD HASSAN BIN MARICAN

Pengerusi

ANUAR BIN AHMAD

Pengarah Urusan

Kuala Lumpur,

Tarikh: 17 Mei 2000

Kami, TAN SRI DATO' MOHD HASSAN BIN MARICAN dan ANUAR BIN AHMAD, dua daripada para pengarah PETRONAS DAGANGAN BERHAD, menyatakan bahawa pada pendapat para pengarah, akaun yang dibentangkan pada muka surat 28 hingga 47 adalah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia untuk memberi gambaran benar dan saksama tentang keadaan urusan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2000 dan hasil operasinya serta aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani selaras dengan resolusi para pengarah:

TAN SRI DATO' MOHD HASSAN BIN MARICAN

ANUAR BIN AHMAD

Kuala Lumpur,
Tarikh: 17 Mei 2000

Saya, CHE NORAN MOHD JELAS, pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan PETRONAS DAGANGAN BERHAD, sesungguhnya dan dengan ikhlas menyatakan bahawa akaun Kumpulan dan Syarikat yang dibentangkan pada muka surat 28 hingga 47, adalah, pada sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, betul dan saya dengan sesungguhnya membuat akuan ini dengan mempercayai bahawa perkara tersebut adalah benar dan mengikut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas:

CHE NORAN MOHD JELAS di KUALA LUMPUR

di WILAYAH PERSEKUTUAN pada 17 haribulan Mei 2000.

DI HADAPAN SAYA:

NEOH SWEE KEE
Pesuruhjaya Sumpah

Saya, CHE NORAN MOHD JELAS, pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan kewangan PETRONAS DAGANGAN BERHAD, sesungguhnya dan dengan ikhlas menyatakan bahawa akaun Kumpulan dan Syarikat yang dibentangkan pada muka surat 28 hingga 47, adalah, pada sepanjang pengetahuan dan kepercayaan saya, betul dan saya dengan sesungguhnya membuat akuan ini dengan mempercayai bahawa perkara tersebut adalah benar dan mengikut peruntukan Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas:

CHE NORAN MOHD JELAS di KUALA LUMPUR

di WILAYAH PERSEKUTUAN pada 17 haribulan Mei 2000.

DI HADAPAN SAYA:

NEOH SWEE KEE
Pesuruhjaya Sumpah

Kami telah mengaudit akaun yang dibentangkan pada muka surat 28 hingga 47. Penyediaan akaun adalah tanggungjawab para pengarah Syarikat. Tanggungjawab kami ialah menyatakan pendapat ke atas akaun tersebut berdasarkan pemeriksaan kami.

Kami telah menjalankan audit mengikut piawaian audit yang diluluskan di Malaysia. Piawaian ini menghendaki kami merancang dan menjalankan audit bagi mendapatkan semua maklumat dan penjelasan yang difikirkan perlu disediakan kepada kami dengan bukti-bukti bagi memberi jaminan yang munasabah bahawa akaun tersebut bebas dari salah nyata yang besar. Audit termasuk pemeriksaan, atas dasar uji, bukti-bukti yang berkaitan dengan amaun dan pendedahan di dalam akaun. Audit juga termasuk penilaian prinsip-prinsip perakaunan yang diamalkan dan anggaran besar yang dibuat oleh para pengarah juga menilai kecukupan keseluruhan pembentangan maklumat di dalam akaun tersebut.

Pada pendapat kami:

- (a) akaun tersebut disediakan dengan kemas selaras dengan peruntukan Akta Syarikat, 1965 dan piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia bagi memberi gambaran benar dan saksama:
 - i) tentang keadaan urusan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Mac 2000 dan hasil operasinya dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut; dan
 - ii) perkara-perkara yang dikehendaki oleh Seksyen 169 Akta Syarikat, 1965 dipakai dalam akaun Kumpulan dan Syarikat;
dan
- (b) rekod-rekod perakaunan, lain-lain rekod dan buku-buku daftar yang dikehendaki disimpan oleh Akta Syarikat, 1965 telah disimpan dengan baik oleh Syarikat dan syarikat subsidiari selaras dengan peruntukan akta tersebut.

Kami berpuas hati bahawa akaun-akaun syarikat subsidiari yang disatukan dengan akaun Syarikat adalah dalam bentuk serta kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan akaun disatukan dan kami telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana dikehendaki oleh kami bagi tujuan tersebut.

Tiada laporan juruaudit tentang syarikat subsidiari tertakluk kepada sebarang pembatasan atau mengandungi sebarang teguran yang dibuat di bawah seksyen kecil (3) Seksyen 174 Akta tersebut.

KPMG DESA MEGAT & CO.

Nombor Firma: AF 0759

Akauntan Awam

NG KIM TUCK

Rakan Kongsi

Nombor Kelulusan: 1150/3/02(J/PH)

Kuala Lumpur,

Tarikh: 17 Mei 2000

	Nota	RM'000	1999 RM'000
ASET TETAP	3	1,307,267	1,284,817
KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU	5	2,356	2,535
PENGHUTANG JANGKA PANJANG		129,725	117,822
ASET SEMASA BERSIH	6	287,314	239,068
		1,726,662	1,644,242
PERBELANJAAN DIHANTAR KE HADAPAN	15	10	13
		1,726,672	1,644,255
TOLAK: KEMUDAHAN JANGKA PANJANG	18	71,283	75,393
PENCUKAIAN TERTANGGUH	19	52,433	40,060
		123,716	115,453
		1,602,956	1,528,802
Dibiayai oleh:–			
MODAL SAHAM	20	496,727	496,727
RIZAB	21	1,074,986	1,000,901
		1,571,713	1,497,628
KEPENTINGAN MINORITI		31,243	31,174
		1,602,956	1,528,802

Nota yang dibentangkan pada muka surat 33 hingga 47 membentuk sebahagian yang penting, dan harus dibaca bersama akaun ini.

	Nota	RM'000	1999 RM'000
Perolehan	22	5,056,564	4,002,454
Keuntungan bagi tahun		212,889	362,175
Bahagian (kerugian)/keuntungan dalam syarikat bersekutu		(147)	127
Keuntungan sebelum pencukaian dan kepentingan minoriti	23	212,742	362,302
Pencukaian	24	(67,060)	(8,411)
Keuntungan selepas pencukaian tetapi sebelum kepentingan minoriti		145,682	353,891
Bahagian kepentingan minoriti dalam (keuntungan)/ kerugian syarikat subsidiari		(69)	111
Keuntungan hak pemegang saham		145,613	354,002
Keuntungan tidak diagihkan dibawa ke hadapan		787,193	498,152
Keuntungan boleh diagihkan		932,806	852,154
Pengagihan:			
Dividen	25	(71,528)	(64,961)
Keuntungan belum diagihkan dihantar ke hadapan	21	861,278	787,193
Perolehan sesaham			
Asas	26	29.3 sen	86.0 sen
Tertahan seperti berikut:			
Syarikat induk		885,004	799,367
Syarikat subsidiari		(24,657)	(13,284)
Syarikat bersekutu		931	1,110
		861,278	787,193

Nota yang dibentangkan pada muka surat 33 hingga 47 membentuk sebahagian yang penting, dan harus dibaca bersama akaun ini.

	Nota	RM'000	1999 RM'000
ASET TETAP	3	1,097,121	1,058,773
KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI	4	59,475	59,475
KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU	5	1,425	1,425
PENGHUTANG JANGKA PANJANG		129,725	117,822
ASET SEMASA BERSIH	6	349,671	312,043
		1,637,417	1,549,538
TOLAK: PENCUKAIAN TERTANGGUH	19	51,566	39,736
		1,585,851	1,509,802
Dibiayai oleh:-			
MODAL SAHAM	20	496,727	496,727
RIZAB	21	1,089,124	1,013,075
		1,585,851	1,509,802

Nota yang dibentangkan pada muka surat 33 hingga 47 membentuk sebahagian yang penting, dan harus dibaca bersama akaun ini.

	Nota	RM'000	1999 RM'000
Perolehan	22	5,035,177	4,013,221
Keuntungan sebelum pencukaian	23	214,007	360,383
Pencukaian	24	(66,430)	(7,070)
Keuntungan selepas pencukaian		147,577	353,313
Keuntungan tidak diagihkan dibawa ke hadapan		799,367	511,015
Keuntungan boleh diagihkan		946,944	864,328
Dividen	25	(71,528)	(64,961)
Keuntungan belum diagihkan dihantar ke hadapan	21	875,416	799,367

Nota yang dibentangkan pada muka surat 33 hingga 47 membentuk sebahagian yang penting, dan harus dibaca bersama akaun ini.

	RM'000	1999 RM'000
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN OPERASI		
Penerimaan tunai daripada pelanggan	5,025,502	4,042,864
Tunai dibayar kepada pembekal dan kakitangan	(4,519,491)	(3,641,623)
Tunai bersih daripada operasi	506,011	401,241
Cukai dibayar	(56,748)	(61,508)
Aliran masuk tunai bersih daripada kegiatan operasi	449,263	339,733
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PELABURAN		
Pemerolehan aset tetap	(129,550)	(158,902)
Pendapatan faedah daripada pelaburan dana	17,471	17,797
Bayaran terdahulu sewa tapak stesen	(17,987)	(4,840)
Hasil daripada jualan aset tetap	630	7,414
Aliran keluar tunai bersih daripada kegiatan pelaburan	(129,436)	(138,531)
ALIRAN TUNAI DARIPADA KEGIATAN PEMBIAYAAN		
Langganan kepentingan minoriti kepada modal saham subsidiari	–	4,725
Hasil terbitan saham biasa diperolehi daripada penukaran waran	–	262,727
Pengambilan Kemudahan Terbitan Nota Al Murabahah	–	130,000
Pembayaran Kemudahan Terbitan Nota Al Murabahah	(130,000)	–
Pembayaran pinjaman berjangka	(282)	(1,009)
Pembayaran sekuriti hutang Islam	–	(300,000)
Faedah dibayar	(5,068)	(3,068)
Dividen dibayar	(71,528)	(58,205)
Pembayaran pinjaman kemudahan jangka panjang Al-Bai Bithaman Ajil	(2,607)	–
Pembayaran kepada pemegang saham minoriti	–	(2,815)
Aliran (keluar)/masuk tunai bersih daripada kegiatan pembiayaan	(209,485)	32,355
KENAIKAN BERSIH DALAM TUNAI DAN DANA SETARA TUNAI	110,342	233,557
TUNAI DAN DANA SETARA TUNAI PADA PERMULAAN TAHUN	378,306	144,749
TUNAI DAN DANA SETARA TUNAI PADA AKHIR TAHUN	488,648	378,306
TUNAI DAN DANA SETARA TUNAI		
Tunai dan baki bank	54,955	36,534
Pelaburan dana	433,693	341,772
	488,648	378,306

Nota yang dibentangkan pada muka surat 33 hingga 47 membentuk sebahagian yang penting, dan harus dibaca bersama akaun ini.

1. KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Syarikat sepanjang tahun kewangan tetap sama dan terdiri daripada pemasaran domestik produk petroleum dan pengendalian stesen minyak. Kegiatan utama syarikat subsidiari dan syarikat bersekutu masing-masing diterangkan dalam Nota 29 dan 30 kepada akaun.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING

2.1 Asas Perakaunan

Akaun Syarikat disediakan mengikut konvensyen kos sejarah dan selaras dengan piawaian perakaunan yang diluluskan kecuali ketidakdedahan kos bagi barang yang dijual.

2.2 Asas Penyatuan

Akaun disatukan termasuk akaun Syarikat dan semua syarikat subsidiari yang disenaraikan dalam Nota 29 kepada akaun. Penyatuan ini berdasarkan akaun syarikat subsidiari yang disediakan setakat 31 Mac 2000.

Semua urusanniaga dalaman dihapuskan atas penyatuan dan perolehan serta keuntungan hanya berkaitan dengan urusanniaga luar.

Pecahan keuntungan atau kerugian selepas pencukaian yang berkait dengan pemegang saham minoriti atau sebarang tempoh pra-pemerolehan adalah dipotong dalam pengiraan bahagian keuntungan pemegang saham Syarikat.

Jumlah aset dan liabiliti syarikat subsidiari dimasukkan dalam kunci kira-kira Kumpulan dan kepentingan pemegang saham minoriti dalam aset bersih yang digunakan dinyatakan secara berasingan.

2.3 Syarikat Bersekutu

Syarikat bersekutu ialah syarikat di mana Syarikat mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang antara 20% hingga 50% dan Syarikat mempunyai pengaruh penting, termasuk perwakilan dalam Lembaga Pengarah, terhadap dasar kewangan dan pengendalian syarikat penerima pelaburan.

Bahagian keuntungan atau kerugian Kumpulan daripada syarikat bersekutu dimasukkan ke dalam akaun untung rugi disatukan, di tempat dividen diterima atau belum terima daripada syarikat bersekutu. Bahagian Kumpulan dalam rizab dan keuntungan tertahan tolak kerugian ditambah kepada kos pelaburan dalam kunci kira-kira disatukan. Jumlah ini diambil daripada akaun diaudit dan akaun pengurusan syarikat bersekutu yang mutakhir.

2.4 Penghutang Jangka Panjang

Pembayaran terdahulu sewa tapak stesen minyak dinyatakan sebagai Penghutang Jangka Panjang. Pembayaran terdahulu dihapus kira berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang tempoh perjanjian.

2.5 Aset Tetap dan Susutnilai

Aset tetap selain daripada tanah milik bebas dan pembinaan dalam pelaksanaan disusutnilai mengikut kaedah garis lurus sepanjang anggaran hayat berguna aset berkaitan. Tanah milik bebas tidak disusutnilai.

Bangunan disusutnilai bagi tempoh 20 hingga 50 tahun atau sepanjang baki tempoh pajakan, yang mana lebih singkat.

Tanah pegangan pajakan disusutnilai bagi tempoh pajakan 20 hingga 999 tahun.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.5 Aset Tetap dan Susutnilai (sambungan)

Kadar susutnilai tahunan yang digunakan untuk aset tetap yang lain adalah:-

Loji, mesin dan tangki	5% – 20%
Peralatan perabot dan kelengkapan pejabat	15% – 20%
Kenderaan bermotor	25%
Pegangan pajakan dibaik pulih	Sepanjang baki tempoh pajakan atau 3 tahun, yang mana lebih singkat
Perkakasan dan perisian komputer	20%

Aset tetap yang kosnya kurang daripada RM5,000 seunit disusutnilai sepenuhnya pada tahun pembelian.

2.6 Caj Kewangan Berhubung dengan Projek dalam Pelaksanaan

Caj kewangan atas pinjaman khusus dan boleh dikenal pasti untuk membiayai projek dalam pelaksanaan dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos projek sehingga projek itu sedia untuk kegunaan seperti yang dirancang.

2.7 Stok

Stok dinilai pada kos dan nilai boleh realis bersih yang mana lebih rendah atas dasar purata berwajaran. Kos stok termasuk kos langsung dan caj pengangkutan yang perlu untuk membawa stok ke lokasi dan keadaan semasa.

2.8 Perbelanjaan Dihantar Ke Hadapan

Perbelanjaan dihantar ke hadapan dalam syarikat subsidiari merangkumi belanja awal dan prakendalian. Belanja awal akan dihapus kira dalam tahun pertama kendalian manakala belanja prakendalian akan dilunaskan sepanjang tempoh selama lima tahun bermula dari tahun penuh pertama kendalian komersial.

2.9 Faedah Persaraan

Setiap bulan, Syarikat mencarum kepada Dana Faedah Persaraan Kumpulan PETRONAS (Dana) berdasarkan gaji bulanan pekerja yang layak setelah ditolak caruman berkanun, untuk membiayai faedah persaraan yang dibayar kepada pekerja yang layak mengikut skim faedah persaraan kumpulan. Aset Dana dipegang secara berasingan untuk Syarikat oleh Pemegang Amanah dan liabiliti Dana ditentukan melalui kaedah faedah terakru yang dikira berdasarkan Jangkaan Liabiliti Perkhidmatan Masa Lalu bagi pekerja yang layak. Caruman bulanan maksimum yang dibenarkan cukai, dibayar kepada PETRONAS oleh Syarikat yang kemudiannya mencarum kepada Dana. Lebihan ditahan dalam akaun PETRONAS sebagai peruntukan faedah persaraan.

Satu penilaian aktuari ke atas Dana dilakukan oleh aktuari bebas yang berkecuali sekurang-kurangnya setiap tiga tahun. Penilaian terakhir dilakukan pada 31 Mac 2000 dan penilaian ini menunjukkan bahawa nilai boleh realis bersih aset Dana adalah cukup untuk menampung nilai faedah hak persaraan yang ditentukan oleh aktuari.

2.10 Pencukaian Tertangguh

Pencukaian tertangguh dikira mengikut kaedah liabiliti berhubung dengan semua perbezaan masa yang penting kecuali dijangkakan dengan munasabah bahawa kesan pencukaian tertangguh itu akan berterusan dalam masa depan yang boleh dijangkakan dan tidak terdapat tanda-tanda bahawa ia akan berbalik selepas itu. Faedah pencukaian tertangguh hanya diiktiraf apabila terdapat jangkaan realisasi yang munasabah masa depan yang terdekat.

2. DASAR PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

2.11 Urus Niaga Mata Wang Asing

Aset dan liabiliti dalam mata wang asing pada tarikh kunci kira-kira diterjemahkan pada kadar yang berkuatkuasa pada tarikh kunci kira-kira. Urus niaga dalam mata wang asing telah diterjemahkan ke dalam Ringgit Malaysia pada kadar pertukaran yang berkuatkuasa pada tarikh urus niaga. Laba dan kerugian daripada pertukaran yang berbangkit atas terjemahan aset dan liabiliti jangka pendek diambilkira di dalam akaun untung rugi.

2.12 Tunai dan Dana Setara Tunai

Tunai dan dana setara tunai merangkumi tunai dalam tangan, deposit permintaan dan jangka pendek, pelaburan kecairan tunai yang sedia ditukarkan kepada amaun tunai yang diketahui dan yang tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

3. ASET TETAP

Kumpulan 2000	Kos pada 1.4.1999 RM'000	Tambahan RM'000	Pelupusan RM'000	Pindahan RM'000	Kos pada 31.3.2000 RM'000
Tanah milik bebas	171,838	–	–	29,003	200,841
Tanah pegangan pajakan					
– jangka panjang	85,058	–	(420)	7,000	91,638
– jangka pendek	40,417	–	–	–	40,417
Bangunan	590,260	1,526	(1,052)	49,368	640,102
Pegangan pajakan dibaik pulih	826	–	–	–	826
Loji, mesin, tangki dan saluran paip	728,827	7,558	(5,336)	26,961	758,010
Peralatan, perabot dan kelengkapan pejabat	32,795	2,797	(141)	–	35,451
Kenderaan bermotor	30,764	616	(900)	–	30,480
Perkakasan dan perisian komputer	50,440	699	(4,744)	45,117	91,512
Projek dalam pelaksanaan	71,523	113,663	–	(157,449)	27,737
	1,802,748	126,859	(12,593)	–	1,917,014
	Susutnilai terkumpul pada 1.4.1999 RM'000	Caj susutnilai bagi tempoh RM'000	Pelupusan RM'000	Susutnilai terkumpul pada 31.3.2000 RM'000	Nilai buku bersih pada 31.3.2000 RM'000
Tanah milik bebas	–	–	–	–	200,841
Tanah pegangan pajakan					
– jangka panjang	8,406	1,182	(91)	9,497	82,141
– jangka pendek	11,066	1,372	–	12,438	27,979
Bangunan	186,805	30,240	(659)	216,386	423,716
Pegangan pajakan dibaik pulih	455	68	–	523	303
Loji, mesin, tangki dan saluran paip	256,490	52,672	(5,240)	303,922	454,088
Peralatan, perabot dan kelengkapan pejabat	14,763	2,495	(128)	17,130	18,321
Kenderaan bermotor	25,130	2,416	(900)	26,646	3,834
Perkakasan dan perisian Komputer	14,816	13,094	(4,705)	23,205	68,307
Projek dalam pelaksanaan	–	–	–	–	27,737
	517,931	103,539	(11,723)	609,747	1,307,267

3. ASET TETAP (SAMBUNGAN)

Kumpulan	Nilai buku bersih		Caj susutnilai bagi tahun berakhir 31.3.1999
	31.3.2000 RM'000	31.3.1999 RM'000	31.3.1999 RM'000
Pada kos			
Tanah milik bebas	200,841	171,838	–
Tanah pegangan pajakan			
– jangka panjang	82,141	76,652	1,122
– jangka pendek	27,979	29,351	1,371
Bangunan	423,716	403,455	27,424
Pegangan pajakan dibaik pulih	303	371	13
Loji, mesin, tangki dan saluran paip	454,088	472,337	51,861
Peralatan, perabot dan kelengkapan pejabat	18,321	18,032	6,432
Kenderaan bermotor	3,834	5,634	2,922
Perkakasan dan perisian komputer	68,307	35,624	4,604
Projek dalam pelaksanaan	27,737	71,523	–
	<u>1,307,267</u>	<u>1,284,817</u>	<u>95,749</u>

Tambahan kepada projek dalam pelaksanaan semasa tahun kewangan termasuk yang berikut:-

	1999 RM'000	1999 RM'000
Margin bahagian keuntungan daripada Kemudahan Jangka Panjang ABBA pada Sifar (1999 – 8.0%) setahun.	–	1,220

Syarikat 2000	Kos pada 1.4.1999 RM'000	Tambahan RM'000	Pelupusan RM'000	Pindahan RM'000	Kos pada 31.3.2000 RM'000
Tanah milik bebas	171,838	–	–	29,003	200,841
Tanah pegangan pajakan					
– jangka panjang	85,058	–	(420)	7,000	91,638
– jangka pendek	40,417	–	–	–	40,417
Bangunan	563,228	1,526	(1,052)	49,368	613,070
Pegangan pajakan dibaik pulih	826	–	–	–	826
Loji, mesin, tangki saluran paip	522,499	7,558	(5,336)	25,739	550,460
Peralatan, perabot dan kelengkapan pejabat	28,036	2,796	(141)	–	30,691
Kenderaan bermotor	29,746	616	(900)	–	29,462
Perkakasan dan perisian komputer	44,073	681	(4,744)	45,117	85,127
Projek dalam pelaksanaan	73,784	112,441	–	(156,227)	29,998
	<u>1,559,505</u>	<u>125,618</u>	<u>(12,593)</u>	<u>–</u>	<u>1,672,530</u>

3. ASET TETAP (SAMBUNGAN)

	Susutnilai terkumpul pada 1.4.1999 RM'000	Caj susutnilai bagi tempoh RM'000	Pelupusan RM'000	Susutnilai terkumpul pada 31.3.2000 RM'000	Nilai buku bersih pada 31.3.2000 RM'000
Tanah milik bebas	–	–	–	–	200,841
Tanah pegangan pajakan					
– jangka panjang	8,405	1,182	(91)	9,496	82,142
– jangka pendek	11,067	1,372	–	12,439	27,978
Bangunan	185,802	28,952	(659)	214,095	398,975
Pegangan pajakan dibaik pulih	455	68	–	523	303
Loji, mesin, tangki dan saluran paip	242,322	39,218	(5,240)	276,300	274,160
Peralatan, perabot dan kelengkapan pejabat	13,938	1,627	(128)	15,437	15,254
Kenderaan bermotor	24,958	2,161	(900)	26,219	3,243
Perkakasan dan perisian komputer	13,785	11,820	(4,705)	20,900	64,227
Projek dalam pelaksanaan	–	–	–	–	29,998
	500,732	86,400	(11,723)	575,409	1,097,121

Syarikat	Nilai buku bersih		Caj susutnilai bagi tahun berakhir
	31.3.2000 RM'000	31.3.1999 RM'000	31.3.1999 RM'000
Pada kos			
Tanah milik bebas	200,841	171,838	–
Tanah pegangan pajakan			
– jangka panjang	82,142	76,653	1,121
– jangka pendek	27,978	29,350	1,372
Bangunan	398,975	377,426	26,452
Pegangan pajakan dibaik pulih	303	371	13
Loji, mesin, tangki dan saluran paip	274,160	280,177	40,502
Peralatan, perabot dan kelengkapan pejabat	15,254	14,098	5,852
Kenderaan bermotor	3,243	4,788	2,750
Perkakasan dan perisian komputer	64,227	30,288	3,629
Projek dalam pelaksanaan	29,998	73,784	–
	1,097,121	1,058,773	81,691

Hakmilik kepada tanah milik bebas dan tanah pegangan pajakan tertentu adalah dalam proses pendaftaran atas nama Syarikat.

Tanah pegangan pajakan jangka panjang meliputi pegangan pajakan dengan tempoh baki yang melebihi lima puluh tahun.

4. KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

	Syarikat	
	RM'000	1999 RM'000
Saham tak disebut harga pada kos	66,475	66,475
Tolak: Peruntukan untuk pengurangan nilai	(7,000)	(7,000)
	59,475	59,475

Keterangan lanjut syarikat subsidiari ada dinyatakan dalam Nota 29 kepada akaun.

5. KEPENTINGAN DALAM SYARIKAT BERSEKUTU

	Kumpulan		Syarikat	
	RM'000	1999 RM'000	RM'000	1999 RM'000
Saham tak disebut harga pada kos	1,425	1,425	1,425	1,425
Bahagian keuntungan dan rizab	931	1,110	–	–
	2,356	2,535	1,425	1,425

Keterangan lanjut syarikat bersekutu ada dinyatakan dalam Nota 30 kepada akaun.

6. ASET SEMASA BERSIH

	Nota	Kumpulan		Syarikat	
		RM'000	1999 RM'000	RM'000	1999 RM'000
ASET SEMASA BERSIH					
Stok	7	222,317	142,327	222,186	141,509
Penghutang perdagangan	8	404,267	379,610	395,477	375,449
Penghutang lain	9	239,965	101,406	239,768	101,276
Amaun terhutang daripada:					
– syarikat induk	10	6,772	–	6,772	–
– syarikat subsidiari	11	–	–	64,577	64,785
– syarikat berkaitan	12	36,979	8,466	36,402	8,466
– syarikat bersekutu	13	1,984	2,164	1,984	2,164
Pelaburan dana	14	433,693	341,772	408,804	333,581
Tunai dan baki bank		54,955	36,534	53,823	36,047
		1,400,932	1,012,279	1,429,793	1,063,277

6. ASET SEMASA BERSIH (SAMBUNGAN)

		Kumpulan		Syarikat	
	Note	RM'000	1999 RM'000	RM'000	1999 RM'000
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang lain		196,775	223,140	166,638	203,362
Amaun terhutang kepada:					
– syarikat induk	10	–	13,001	–	13,001
– syarikat subsidiary	11	–	–	851	1,383
– syarikat berkaitan	12	781,711	270,137	781,711	270,137
Kemudahan terbitan nota					
Al-Murabahah	16	–	130,000	–	130,000
Pinjaman berjangka	17	–	282	–	282
Kemudahan Al Bai’Bithaman Ajil	18	4,110	2,607	–	–
Peruntukan cukai		95,258	98,280	95,158	97,305
Dividen dicadangkan		35,764	35,764	35,764	35,764
		1,113,618	773,211	1,080,122	751,234
ASET SEMASA BERSIH					
		287,314	239,068	349,671	312,043

7. STOK

	Kumpulan		Syarikat	
	RM'000	1999 RM'000	RM'000	1999 RM'000
Produk petroleum	205,103	112,466	205,103	111,648
Minyak pelincir	17,671	18,486	17,671	18,486
Lain-lain	1,243	13,075	1,112	13,075
	224,017	144,027	223,886	143,209
Tolak: Peruntukan stok lusuh	(1,700)	(1,700)	(1,700)	(1,700)
	222,317	142,327	222,186	141,509

8. PENGHUTANG PERDAGANGAN

	Kumpulan		Syarikat	
	RM'000	1999 RM'000	RM'000	1999 RM'000
Penghutang perdagangan	413,330	403,975	404,540	399,814
Tolak: Peruntukan hutang ragu	(9,063)	(24,365)	(9,063)	(24,365)
	<u>404,267</u>	<u>379,610</u>	<u>395,477</u>	<u>375,449</u>

9. PENGHUTANG LAIN

	Kumpulan		Syarikat	
	RM'000	1999 RM'000	RM'000	1999 RM'000
Lain-lain penghutang, deposit dan bayaran terdahulu	245,289	106,733	245,092	106,603
Tolak: Peruntukan hutang ragu	(5,324)	(5,327)	(5,324)	(5,327)
	<u>239,965</u>	<u>101,406</u>	<u>239,768</u>	<u>101,276</u>

10. AMAUN TERHUTANG DARIPADA/KEPADA SYARIKAT INDUK

Syarikat induk ialah Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS), sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia.

Amaun yang terhutang daripada dan kepada syarikat induk berbangkit dalam urusan biasa perniagaan.

11. AMAUN TERHUTANG DARIPADA/KEPADA SYARIKAT SUBSIDIARI

Amaun yang terhutang daripada dan kepada syarikat subsidiari berbangkit dalam urusan biasa perniagaan kecuali bagi sejumlah RM44,127,000 (1999 – RM59,877,000). Jumlah ini merangkumi wang pokok dan faedah yang masih tertunggak. Jumlah wang pokok merupakan pendahuluan tunai tidak bercagar yang perlu dibayar atas permintaan dan dikenakan faedah antara 7.55% hingga 8.55% setahun (1999 – 8.80% hingga 12.85%).

12. AMAUN TERHUTANG DARIPADA/KEPADA SYARIKAT BERKAITAN

Amaun yang terhutang daripada dan kepada syarikat berkaitan berbangkit dalam urusan biasa perniagaan.

13. AMAUN TERHUTANG DARIPADA SYARIKAT BERSEKUTU

Amaun yang terhutang daripada syarikat bersekutu berbangkit dalam urusan biasa perniagaan.

14. PELABURAN DANA

	Kumpulan		Syarikat	
	RM'000	1999 RM'000	RM'000	1999 RM'000
Deposit disimpan di:				
Bank berlesen	313,512	278,191	288,623	270,000
Syarikat kewangan	120,181	—	120,181	—
Gedung diskaun	—	63,581	—	63,581
	433,693	341,772	408,804	333,581

15. PERBELANJAAN DIHANTAR KE HADAPAN

	Kumpulan	
	RM'000	1999 RM'000
Belanja awal		
Baki pada 1 April	—	40
Pelupusan semasa tahun kewangan	—	(40)
	—	—
Baki pada 31 Mac	—	—
Belanja prakendalian		
Baki pada 1 April	13	15
Pelunasan semasa tahun kewangan	(3)	(2)
	10	13

16. KEMUDAHAN TERBITAN NOTA AL-MURABAHAH (MUNIF) (TIDAK BERCAGAR)

	Kumpulan dan Syarikat	
	RM'000	1999 RM'000
Kemudahan Terbitan Nota Al-Murabahah	—	130,000

Syarikat mewujudkan kemudahan terbitan nota tak boleh ditebus berjumlah RM250,000,000 di bawah Prinsip Syariah Al-Murabahah pada 6 Mac 1997. Kemudahan tersebut mempunyai tempoh ketersediaan selama lima tahun. Semasa tempoh itu, Syarikat boleh menerbitkan Nota dalam gandaan RM1,000,000 tertakluk kepada minimum RM10,000,000 dan sehingga jumlah maksimum RM250,000,000. Nota itu mempunyai tempoh matang dari satu hingga sembilan bulan dan merupakan sekuriti tanpa faedah. Pada tarikh kunci kira-kira, tiada Nota yang masih belum dijelaskan oleh Syarikat daripada kemudahan ini.

17. PINJAMAN BERJANGKA

	— Kumpulan dan Syarikat —	
	1999	
	RM'000	RM'000
Pinjaman berjangka bercagar	—	282
Tolak: Amaun perlu dibayar balik dalam masa setahun	—	(282)
Amaun perlu dibayar balik selepas setahun	—	—

Pinjaman berjangka bercagar terdiri daripada:

RM Pinjaman Berjangka **RM7,900,000**

Pinjaman berjangka dicagar dengan caj tetap dan terapung terhadap harta-harta yang terletak di Terminal Import LPG yang juga Loji Pembotolan (tidak termasuk tanah) di Kuching, Sarawak. Pada 31 Mac 1999, nilai buku bersih aset-aset yang dicagarkan ialah RM2,247,696.

Enam ansuran bulanan tambahan perlu dibayar disebabkan kadar pinjaman asas purata yang lebih tinggi semasa tempoh pinjaman.

18. KEMUDAHAN JANGKA PANJANG

	———— Kumpulan ————	
	1999	
	RM'000	RM'000
Kemudahan jangka panjang Al Bai'Bithaman Ajil	75,393	78,000
Tolak: Amaun perlu dibayar balik dalam masa setahun	(4,110)	(2,607)
	71,283	75,393

Kemudahan jangka panjang tanpa faedah Al Bai'Bithaman Ajil perlu dibayar balik melalui 40 ansuran suku tahunan berjumlah RM3,301,999 setiap satu (termasuk margin bahagian keuntungan sebanyak 8.0% setahun) bermula 25 bulan dari 30 September 1997 dan dicagar dengan caj terapung terhadap aset-aset tetap. Pada 31 Mac 2000, nilai buku bersih aset-aset yang dicagarkan ialah RM166,767,905 (1999 – RM177,933,738).

19. PENCUKAIAN TERTANGGUH

Tertakluk kepada persetujuan Lembaga Hasil Dalam Negeri, liabiliti cukai tertangguh ialah seperti berikut:-

	Kumpulan		Syarikat	
	1999	1999	1999	1999
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Baki pada 1 April	40,060	36,336	39,736	36,336
Dipindah dari untung rugi	12,373	3,724	11,830	3,400
Baki pada 31 Mac	52,433	40,060	51,566	39,736

20. MODAL SAHAM

	Kumpulan dan Syarikat	
	1999	1999
	RM'000	RM'000
Dibenarkan:		
Saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu	1,000,000	1,000,000
Diterbitkan dan berbayar penuh:		
Pada 1 April	496,727	402,896
Atas penukaran Sifar (1999 – 93,831,000) waran untuk saham biasa bernilai RM1.00 setiap satu	–	93,831
Pada 31 Mac	496,727	496,727

Syarikat menerbitkan 120,000,000 waran boleh cerai pada 23 Februari 1994 bersama dengan terbitan Sekuriti Hutang Islam Tidak Bercagar Boleh Tebus dengan jumlah nominal RM300,000,000. Waran yang dilampirkan diterbitkan atas dasar dua (2) waran bagi setiap Sekuriti Hutang Islam Tidak Bercagar Boleh Tebus dengan jumlah nominal RM5.00. Waran itu adalah dalam bentuk berdaftar dan diterbitkan melalui Surat Ikatan Pol dan melayakkan pemegang berdaftar untuk melanggan satu (1) saham biasa baru bernilai RM1.00 dalam Syarikat pada harga RM2.80 sesaham biasa bagi setiap waran yang dipegang. Nisbah penukaran adalah tertakluk kepada Surat Ikatan Pol dan boleh dilaksanakan pada bila-bila masa dalam tempoh langganan selama lima tahun yang telah tamat tempoh pada 23 Februari 1999.

Semasa tahun kewangan, pemegang berdaftar bagi 93,831,000 waran melaksanakan hak mereka dan melanggan bilangan saham biasa baru yang setara. Baki 1,273,000 waran tidak ditukarkan dan haknya telah luput.

21 RIZAB

	Kumpulan		Syarikat	
	RM'000	1999 RM'000	RM'000	1999 RM'000
Tidak boleh diagihkan:				
Premium saham				
Baki pada 1 April	213,708	44,812	213,708	44,812
Premium saham diterima semasa tahun kewangan adalah Sifar (1999 – 93,831,000) saham biasa atas pelaksanaan oleh pemegang waran pada premium RM1.80 sesaham biasa	–	168,896	–	168,896
Baki pada 31 Mac	213,708	213,708	213,708	213,708
Boleh diagihkan:				
Keuntungan belum diagihkan	861,278	787,193	875,416	799,367
	1,074,986	1,000,901	1,089,124	1,013,075

Tertakluk kepada persetujuan bersama Lembaga Hasil Dalam Negeri, Syarikat mempunyai pendapatan dikecualikan cukai dan kredit cukai yang mencukupi di bawah Seksyen 108 Akta Cukai Pendapatan, 1967 untuk mengagihkan semua rizab boleh agih pada 31 Mac 2000 jika dikeluarkan sebagai dividen.

22. PEROLEHAN

Perolehan mewakili nilai invoice petroleum dan produk berkaitan yang dijual.

23. KEUNTUNGAN SEBELUM PENCUKAIAN

Keuntungan sebelum pencukaian dicapai:

	Kumpulan		Syarikat	
	RM'000	1999 RM'000	RM'000	1999 RM'000
Selepas mencaj:-				
Yuran audit	182	289	157	254
Peruntukan hutang ragu	-	15,604	-	15,604
Peruntukan pengurangan dalam pelaburan	-	-	-	7,000
Susutnilai	103,539	95,749	86,400	81,691
Sewa tanah dan bangunan	26,315	24,911	19,837	19,525
Belanja faedah	8,196	8,175	1,071	3,032
Sewa loji dan peralatan	1,431	1,021	1,413	1,021
Faedah persaraan	3,363	3,467	3,363	3,467
Nilai manfaat pengarah	18	16	18	16
Yuran pengarah	216	214	216	214
Pelunasan belanja pra-operasi	3	2	-	-
Aset tetap dibelanjakan	1,741	1,246	1,741	1,246
Dan mengkredit:-				
Peruntukan hutang ragu dinaikkan nilai	15,302	-	15,302	-
Laba atas pelupusan aset tetap (tolak cukai - Sifar; 1999 - RM288,000)	68	4,497	68	4,497
Pendapatan faedah - deposit tetap	17,471	17,797	16,915	17,634
Pendapatan daripada sewa premis	713	820	713	820

24. PENCUKAIAN

	Kumpulan		Syarikat	
	RM'000	1999 RM'000	RM'000	1999 RM'000
Cukai pendapatan:				
Tahun semasa	54,655	4,645	54,600	3,670
Pencukaian tertangguh:				
Pindah ke pencukaian tertangguh	12,373	3,724	11,830	3,400
	67,028	8,369	66,430	7,070
Bahagian cukai pendapatan dalam syarikat bersekutu	32	42	-	-
	67,060	8,411	66,430	7,070

24. PENCUKAIAN (SAMBUNGAN)

Kadar cukai berkesan Kumpulan dan Syarikat adalah lebih tinggi daripada kadar cukai berkanun oleh kerana perbelanjaan yang tertentu tidak dibenarkan untuk tujuan pencukaian.

Pada tahun 1999, kadar cukai berkesan Kumpulan dan Syarikat adalah lebih rendah daripada kadar cukai berkanun selari dengan pengecualian cukai pendapatan untuk tahun 1999 menurut kepada Akta Cukai Pendapatan (Pindaan), 1999.

25. DIVIDEN

	— Kumpulan dan Syarikat —	
	1999	1999
	RM'000	RM'000
Dividen interim 10% ditolak cukai pada 28% (1999 – 7% ditolak cukai pada 28%)	35,764	29,097
Bayaran tambahan bagi dividen akhir bagi tahun lepas	–	100
Dividen akhir cadangan sebanyak 10% ditolak cukai pada 28% (1999 – 10% ditolak cukai pada 28%)	35,764	35,764
	<u>71,528</u>	<u>64,961</u>

Bayaran dividen tambahan dibuat berhubung dengan waran yang ditukar kepada saham biasa antara 1 April dan 15 Ogos 1998 yang merupakan tarikh kelayakan dividen.

26. PENDAPATAN SESAHAM

Pendapatan sesaham Kumpulan dikira berdasarkan keuntungan selepas pencukaian dan kepentingan minoriti berjumlah RM145,613,000 (1999 – RM354,002,000) dan atas 496,727,000 (1999 – 411,821,000) bilangan purata berwajaran saham biasa dalam terbitan.

27. KOMITMEN MODAL

Komitmen modal berhubung dengan perbelanjaan modal pada tarikh kunci kira-kira yang tidak diambil kira dalam akaun:

	Kumpulan		Syarikat	
	1999	1999	1999	1999
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Diluluskan dan dikontrakkan	82,319	81,564	82,046	81,564
Diluluskan tetapi tidak dikontrakkan	36,701	17,214	36,508	17,214
	<u>119,020</u>	<u>98,778</u>	<u>118,554</u>	<u>98,778</u>

28. URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN YANG PENTING

	Kumpulan		Syarikat	
	1999	1999	1999	1999
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Syarikat berkaitan				
Penjualan produk petroleum	149,694	91,951	268,129	161,248
Pembelian produk petroleum	3,965,062	2,309,203	3,965,062	2,347,585

Para pengarah Syarikat berpendapat bahawa urus niaga di atas telah dimasukkan dalam urusan biasa perniagaan dan telah ditetapkan secara komersial.

29. SYARIKAT SUBSIDIARI DAN KEGIATAN

Syarikat diperbadankan di Malaysia	Peratusan Pemegangan Berkasan		Kegiatan utama
	2000	1999	
Kuala Lumpur Aviation Fuelling System Sdn. Bhd.	65%	65%	Pengendalian kemudahan pengisian minyak penerbangan di Kuala Lumpur International Airport, Sepang.
West Port Bunkering Services Sdn. Bhd.	70%	70%	Pemasaran minyak kapal dan pengendalian kemudahan mengisi minyak kapal di West Port, Pelabuhan Klang.

30. SYARIKAT BERSEKUTU DAN KEGIATAN

Syarikat diperbadankan di Malaysia	Peratusan Pemegangan Berkasan		Kegiatan utama
	2000	1999	
Lub Dagangan Sdn. Bhd.	20%	20%	Pemasaran dan pengedaran minyak pelincir.
PS Pipeline Sdn. Bhd.	50%	50%	Menyedia dan mengendali Sistem Saluran Paip Pelbagai Produk dan Terminal Pengedaran Lembah Klang (MPP-KVDT) dan lain-lain kemudahan bagi pengangkutan produk petroleum bagi pihak pemilik/pemegang saham secara pemilikan kos.
PS Terminal Sdn. Bhd.	50%	50%	Mengendali, mengurus dan menyelenggara kemudahan usahasama – terminal, depot, gudang dll di Tawau bagi pihak pemilik Shell Timur Sdn. Bhd. dan PETRONAS Dagangan Berhad.

31. MAKLUMAT BERSEGMENT

Maklumat kewangan berdasarkan segmen aktiviti dan geografi tidak dikemukakan kerana aktiviti utama Kumpulan adalah pemasaran tempatan produk petroleum dan operasi stesen servis yang dijalankan di Malaysia.